

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (63)

12 Januari 2022
9 Jamadilakhir 1443

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 3/2022

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022

Dimaklumkan bahawa Kerajaan melalui Belanjawan 2022 telah bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah. Bayaran ini juga turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima skim pencen dan veteran tidak berpencen melalui Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (JPA.800-3/2/1(32)) bertarikh 20 Disember 2021 mengenai Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022.

2. Berdasarkan surat edaran tersebut, Lembaga Pengarah Universiti telah bersetuju dengan kertas kerja secara edaran bertarikh 28 Disember 2021 supaya Bantuan Khas Kewangan ini dibayar kepada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) gred 56 dan ke bawah bagi lantikan tetap, sementara dan *contract of service* sebanyak RM700.00. Pesara yang memilih skim pencen yang dilantik semula secara *contract of service* di UTM juga layak dibayar Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM700.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya akan dibayar oleh UTM.

3. Pegawai yang tidak mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap selain atas sebab kesihatan dan mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya telah melengkapkan dos imunisasi COVID-19 selewat-lewatnya pada 31 Mac 2022.

4. Sehubungan itu, Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini akan dibayar pada **25 Januari 2022.**

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (63)

12 January 2022
9 Jamadilakhir 1443

ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 3/2022

SPECIAL FINANCIAL ASSISTANCE YEAR 2022

It is informed that the Government through the 2022 Budget has agreed that the 2022 Special Financial Assistance will be given to Public Service officers of the Management and Professional Group as well as the Implementation Group Grade 56 and below. This payment is also extended to Government retirees who receive pension schemes and non-pensionable veterans through the Circular Letter by the Director General of Public Service (JPA.800-3/2/1 (32)) dated 20 December 2021 on Special Financial Assistance Year 2022.

2. Based on the circular, the University Board of Directors has agreed with the decision dated 28 December 2021 so that this Special Financial Assistance is paid to staff of Universiti Teknologi Malaysia (UTM) grade 56 and below for permanent, temporary and contract appointments the amount of RM700.00. Retirees who is on pension scheme and re-appointed under a contract of service with UTM are also eligible for Special Financial Assistance of RM700.00. However, a payment of RM350.00 will be paid by the Public Service Department and the balance will be paid by UTM.

3. Officers who did not get the completed dose of COVID-19 immunization other than for health reasons which has been confirmed by a registered medical practitioner will be suspended from the 2022 Special Financial Assistance. Officers are only eligible to be paid when they have completed the COVID-19 immunization doses by March 31, 2022.

4. Accordingly, this 2022 Special Financial Assistance will be paid on **25 January 2022**.

Thank you.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

I, who uphold trust,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Registrar

- c.c. - Vice-Chancellor
- Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
 - Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
 - Deputy Vice-Chancellor (Development)
 - Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)
 - Pro-Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur)
 - Director of UTM Pagoh Campus
 - Senior Officers/ Deans/ Directors

MHYMT/nsn/kma